



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PROGRAM RIADAH YBHG. DATUK BANDAR  
BERSAMA AHLI MAJLIS DAN KETUA-KETUA  
JABATAN MBSP SEMPENA PEMASYHURAN  
BANDARAYA, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG  
PERAI DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM,  
CHEROK TO'KUN, BUKIT MERTAJAM

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**13 OKTOBER 2019 (AHAD)**  
**7.00 PAGI**

**HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM**  
**CHEROK TO'KUN**  
**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Muhammad Ezhar B. Yusuf**  
Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi yang penuh ceria ini dalam Program Riadah Datuk Bandar Bersama Ahli Majlis Dan Ketua-Ketua Jabatan MBSP Sempena Pemasyhuran Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai di Hutan Lipur Bukit Mertajam, Cherok To'Kun, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada kesemua Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan kerana sudi meluangkan masa menghadiri serta melibatkan diri dalam program riadah ini. Syabas dan Tahniah saya ucapkan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Riadah Datuk Bandar Bersama Ahli Majlis Dan Ketua-Ketua Jabatan MBSP adalah untuk menyemarakkan aktiviti riadah yang sihat dan menjadi satu platform untuk menjalin dan mengeratkan ikatan silaturahim di kalangan Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Selain itu, aktiviti riadah ni juga adalah untuk mendekatkan diri dengan alam sekitar serta mempelajari khazanah alam sekitar yang ada di Seberang Perai yang perlu diterokai. Saya amat-amat mengalukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan ke program ini bagi memeriahkan acara disamping mewujudkan jati diri yang positif sambil beriadah bersama-sama. Selain itu, MBSP juga berbesar hati menjemput **Tuan Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang** untuk hadir bersama-sama ke program ini agar satu jalinan baru dapat diwujudkan antara agensi kerajaan negeri disamping dapat bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan kehijauan di seluruh Seberang Perai.

Program hari ini diadakan di Kawasan Taman Rimba Bukit Mertajam yang berstatus hutan lipur dan dikenali sebagai Hutan Lipur Bukit Mertajam atau Cherok To'Kun. Hutan lipur ini mempunyai keluasan lebih kurang 37 hektar dengan puncak tertinggi mencapai 545 meter dari aras laut. Taman Rimba ini selalu dikunjungi oleh penduduk tempatan dan pengunjung luar

dari negeri Kedah dan Perak. Ianya mempunyai daya tarikan yang tersendiri dengan adanya anak-anak sungai, air terjun, kolam-kolam mandi, kawasan perkelahan, taman permainan kanak-kanak dan pelantar pemandangan.

Keunikan Taman Rimba Bukit Mertajam dapat dilihat dengan wujudnya pelbagai jenis flora seperti pokok Meranti Seraya, Meranti Rambai Daun, paku pakis dan pokok bunga-bunga hutan. Dianggarkan terdapat lebih daripada 183 spesies pokok di Hutan Lipur ini. Manakala fauna terdiri daripada burung-burung, rama-rama dan serangga ‘exotic’. Taman Rimba ini masih mempunyai pokok-pokok dan tumbuhan asal seperti Meranti Seraya (*Shorea curtisia*) dan Meranti Rambai Daun "Shorea acuminata" dan yang paling menarik Pokok Mengkundur (*Tetrameles nudiflora*). Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk melihat seohon pokok Mengkundur yang besar yang berusia lebih daripada 80 tahun yang berada di atas bukit ini. Ini merupakan satu khazanah alam sekitar yang patut kita bangga dan hargai serta dipelihara dan dilindungi kerana mampu menambah lagi aset pelancongan Seberang Perai. Pokok ini dikatakan sebagai pokok terbesar di bukit ini oleh pengunjung-pengunjung.

Di antara daya tarikan utama Taman Rimba adalah aktiviti-aktiviti lasak seperti pendakian bukit ke puncak melalui "Jeep Track" atau denai hutan dan aktiviti "downhill mountain bike". Ini melibatkan jarak 3.5km dari bawah

dan akan mengambil masa melebihi satu (1) jam bagi pendaki bertaraf sederhana untuk sampai ke Stesyen 3. Sepanjang laluan pengunjung akan dihiburkan dengan kicauan unggas, serangga eksotik serta dapat menikmati keindahan pemandangan dari puncak. Aktiviti-aktiviti lain yang gemar dilakukan oleh pengunjung adalah berkelah dan mandi-manda. Terdapat beberapa buah kolam mandi dibangunkan untuk orang awam bagi tujuan mandi-manda di hutan lipur ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya tidak berhasrat untuk bercakap lebih panjang lagi, kerana saya percaya, tuan-tuan dan puan-puan tidak sabar untuk memulakan pengembaraan mendaki bukit ini serta membina ketahanan fizikal. Marilah kita jadikannya sebagai satu terapi diri dan terapi minda dengan berjalan-jalan di dalam hutan di bukit ini sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semulajadi.

Saya juga mohon jasa baik wakil-wakil daripada Jabatan Perhutanan untuk membantu dalam memberi penerangan berhubung flora dan fauna di hutan ini di sepanjang pengembaraan kita.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung bagi menjayakan program pada hari ini. Saya mengharapkan program sebegini dapat diteruskan dan dijadikan acara tetap atau tahunan bagi Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.

**Sekian.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**